

## PROFESIONALISME PERGURUAN PENDIDIKAN ISLAM BERASASKAN RIADHAH RUHIYYAH : SATU ANALISA KEPERLUAN

Habibah @ Artini Ramlie [1], Zaharah Hussin [2]

[1] Fakulti Pendidikan  
Universiti Malaya  
hartinishah@gmail.com

[2] Fakulti Pendidikan  
Universiti Malaya  
zaharah@um.edu.my

### ABSTRACT

This is a preliminary study related to Islamic Education teacher professionalism model development based on the concept of spiritual exercises. This phase was a survey method using Likert scale questionnaire. Respondents were 60 teachers in primary and secondary schools in the state of Kelantan. The needs of teacher professionalism found in this study are related to aspects of the professional practice based on spiritual exercises, knowledge of spiritual exercise and the skills of teaching and learning *Ruhiyyah* based on spiritual exercise. Data were analyzed using SPSS Version 20.0 with frequency and percentage. The study found that, overall; respondents expressed high requirements for the practice of professionalism and knowledge as well as skills-based teaching and learning *Ruhiyyah*.

---

**Keywords:** Islamic Education, teacher professionalism, teaching and learning

### LATAR BELAKANG

Guru merupakan pemangkin wadah perjuangan untuk pelajar membina daya pemikiran yang analitikal, kritis dan kreatif. Dalam dunia pendidikan, pelajar adalah output yang dihasilkan oleh sesebuah institusi yang berpaksikan peranan guru sebagai seorang pendidik. Sebagai seorang pendidik yang bertanggungjawab, guru hari ini perlu menyedari bahawa tugas dan amanah yang diberikan adalah untuk mendidik generasi yang akan menerajui negara ini (Syed Ismail Syed Mustapa & Ahmad Subki Miskon, 2010). Justeru guru profesional harus sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan profesionalisme perkhidmatan mereka kerana profesion perguruan melibatkan pembinaan insan sebagai produk yang tidak dapat dinilai dengan materialisme duniawi.

Dalam konteks Pendidikan Islam, profesionalisme guru yang bersifat *Ruhiyyah* lebih dititikberatkan kerana ia berkait rapat dengan peranan Guru Pendidikan Islam (GPI) sebagai *mudarris*, *mu'allim*, *mu'addib*, *murabbi* dan *mursyid* (5 M). Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri (2010) meringkaskan maksud *mudarris* sebagai pengajar, *mu'allim* sebagai pendidik, *mu'addib* sebagai pembentuk adab, *murabbi* sebagai pemelihara dan *mursyid* sebagai pemberi petunjuk. Di bahu GPI tergalas bukan setakat tanggungjawab untuk mendidik pelajar, malah GPI berperanan besar dalam menyemai iman serta membentuk sahsiah dan akhlak pelajar (Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff, 2011). Rumusan dapatan kajian yang dijalankan oleh Zaharah Hussin (2008) juga menunjukkan bahawa GPI yang ditemubual menyedari bahawa sebagai GPI, mereka perlu sentiasa menampilkan akhlak yang baik dalam semua aspek terutamanya apabila berhadapan dengan pelajar di sekolah. Ini kerana setiap apa yang dilakukan oleh guru walau sekecil mana akan diperhatikan. Imam Al-Ghazali, tokoh ilmunan Islam terkemuka sendiri menekankan betapa pentingnya seseorang guru memiliki keimanan yang teguh serta sahsiah yang baik dalam proses pengajaran dan pembelajaran ke arah mencapai matlamat mencari keredhaan Allah s.w.t (Al-Ghazali, t.t).

Mendefinisikan *Riadhah Ruhiyah* secara umum, Kamus Dewan (1994) mendefinisikan rohani dengan merujuk kepada roh iaitu bahagian dalam manusia yang mempunyai daya fikir, berperasaan dan berkemahuan. Al-Ghazali (t.t.) menyatakan bahawa perkataan 'ruh' atau roh yang merupakan asal perkataan 'ruhiyyah' bermaksud satu jisim halus yang terletak dalam rongga hati jasmani yang berkembang dalam badan manusia melalui urat saraf. Ia akan menggerakkan lima pancaindera yang dimiliki oleh manusia dan boleh memahami serta mengetahui apa-apa yang berada dalam diri manusia (al-Ghazali, 1987). Menurut kamus *Al-Lughatul Malayuwiyyah Al-Lughatul Arabiah Al-Lughatul Arabiyyah al-Lughatul Malayuwiyyah* (Abdul Raof Hassan, Abdul Halim Salleh, Khairul Amin Mohd. Zain & Wan Norainawati Hamzah, 2011), 'Ar-Riadhah' bermaksud latihan manakala 'Ruhyyah' bermaksud aspek yang berkaitan dengan roh. Perkataan 'Riadhah Ruhiyah' pula didefinisikan sebagai latihan kerohanian (Abdul Raof Hassan et al., 2011).

Ringkasnya, *Riadhah Ruhiyah* adalah satu proses untuk para GPI mendidik jiwa dengan nilai-nilai kerohanian yang bertunjangkan keimanan kepada Allah s.w.t dan mengikuti ajaran Rasulullah sebagaimana yang dinyatakan oleh Imam al-Ghazali dalam karangan agung beliau iaitu Kitab '*Ihya' Ulum al-Din*' (al-Ghazali, t.t). Terma *Riadhah Ruhiyah* menjadi fokus utama kerana dalam perkhidmatan profesionalisme perguruan Pendidikan Islam, adalah menjadi cabaran kepada GPI untuk melaksanakan *Riadhah Ruhiyah* dalam diri mereka.

### PERMASALAHAN KAJIAN


Sebagai pendidik, GPI bukan setakat bertanggungjawab mendidik pelajar malah lebih dari itu, GPI berperanan mendakwah, menyemai iman serta membentuk sahsiah dan akhlak pelajar. Ini kerana guru-guru dikenal pasti mempunyai pengaruh terhadap perkembangan akhlak di kalangan pelajar (Azhar Haji Ahmad dan Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff, 2011). Namun Che Noraini Hashim (2005) menyatakan sebahagian GPI tidak berperanan sebagai pendidik dalam erti kata yang sebenarnya kerana masih ramai GPI yang tidak dapat dijadikan '*role model*' oleh anak didiknya. Terdapat GPI yang mengajar dengan hanya menekankan kepada hala tuju peperiksaan semata-mata dan mengabaikan aspek nilai, etika dan akhlak (Khadijah Abdul Razak & Zaib Ngah, 2002). Kajian Azma Mahmood (2006) yang menganalisis status penghayatan Pendidikan Islam di kalangan pelajar mendapati berlaku ketidakseimbangan dalam penghayatan aqidah, ibadah dan akhlak di peringkat jantung, aliran dan jenis sekolah. Kajian Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail (2002) turut menunjukkan pelajar tidak menekankan aspek penghayatan atau pengamalan nilai-nilai mulia dalam kehidupan harian mereka. Pelajar juga tidak dapat menghubungkan keimanan kepada Allah s.w.t serta ilmu agama yang ada pada seseorang dengan kepentingan pelaksanaan nilai-nilai akhlak dalam kehidupan mereka. Ini menjadikan khalayak ramai tidak lagi menaruh keyakinan kepada kewibawaan guru kerana kemenjadian murid tidak seperti yang diharapkan oleh masyarakat dan negara (Rahaila Omar, 2011).

Hal ini memerlukan perhatian pihak-pihak yang berkaitan di sekolah khususnya GPI agar memberi lebih tumpuan kepada aspek aqidah, ibadah dan akhlak. Justeru dalam hal ini menurut Asmawati (2006), para GPI yang merupakan agen moral dan '*role model*' kepada para pelajar hendaklah sentiasa mempamerkan nilai akhlak mulia. Walaupun kajian Zaharah Hussin (2008) menunjukkan terdapat sebahagian GPI yang menyatakan antara faktor yang menyukarkan mereka untuk menampilkan diri sebagai '*qudwah hasanah*' atau '*role model*' adalah kerana rasa kurang keyakinan diri apabila berhadapan dengan masyarakat dan pelajar, hal ini tidak sepatutnya dijadikan alasan. Ini kerana para GPI dalam kajian tersebut sedar bahawa sebagai GPI, mereka perlu untuk sentiasa menampilkan akhlak yang baik dalam semua aspek terutamanya apabila berhadapan dengan pelajar di sekolah. Ini kerana setiap apa yang dilakukan akan diperhatikan oleh pelajar. Al-Ghazali (t.t) sendiri menekankan betapa pentingnya seseorang guru memiliki keimanan yang teguh serta sahsiah yang baik dalam proses pengajaran dan pembelajaran ke arah mencapai matlamat mendapat keredaan Allah s.w.t. Di sinilah juga letaknya kepentingan dan keperluan seorang GPI mengamalkan ciri-ciri profesionalisme berasaskan '*Riadhah Ruhiyah*' bertunjangkan hubungan dengan Allah s.w.t (*habl min Allah*), hubungan dengan diri sendiri (*habl min al-nafs*) dan hubungan sesama manusia (*habl min al-nas*) ke arah misi melahirkan generasi Muslim yang beriman dan berakhlak mulia.

### KERANGKA TEORI KAJIAN

Teori yang digunakan dalam kajian ini adalah teori yang disarankan oleh Imam al-Ghazali dalam kitab '*Ihya' Ulum al-Din*' berhubung ciri-ciri seorang guru profesional. Pengkaji membangunkan teori berpandukan pandangan al-Ghazali kerana menurut Othman Lebar (2009), pengkaji boleh menggunakan data arkib untuk membina teori dan data sebegini boleh menyumbang kepada proses pengkonseptualan awal. Imam al-Ghazali

(t.t.) menegaskan bahawa seorang guru profesional perlu mempunyai ciri-ciri unggul dalaman dan luaran, cekap dan terlatih serta sangat berpengetahuan terhadap sesuatu perkara yang hendak diajar (Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri & Mohd. Izham Hamzah, 2011). Imam al-Ghazali telah membincangkan secara terperinci mengenai perihal pelajar dan guru secara khusus dalam bahagian 5 kitab *'Ihya Ulum al-Din'* karangan beliau. Penulis seterusnya mengkategorikan idea-idea beliau mengikut aspek amalan nilai profesionalisme, aspek pengetahuan serta aspek kemahiran pengajaran dan pembelajaran untuk membentuk item-item soal selidik. Pengkaji juga melihat ciri-ciri unggul luaran dan dalaman yang meliputi aspek menjaga hubungan dengan Allah s.w.t dan mengikut jejak para Rasul (*habl min Allah*), menghayati ilmu, memiliki jiwa yang luhur dan menampilkan *qudwah hasanah (habl min al-nafs)* serta berilmu pengetahuan dan mahir dalam aspek pedagogi (*habl min al-nas*) yang diutarakan beliau sebagai satu *'Riadhah Ruhhiyyah'* yang perlu ada pada diri setiap GPI.



Rajah 1 : Kerangka teori kajian diubahsuai daripada al-Ghazali (t.t)

## TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Kertas kerja ini bertujuan untuk melihat *Riadhah Ruhhiyyah* sebagai keperluan profesionalisme GPI yang utama. Dimensi *Riadhah Ruhhiyyah* diketengahkan kerana ia berkait rapat dengan keperluan profesionalisme GPI dalam mendidik pelajar dengan keimanan serta nilai-nilai keislaman yang luhur. Ini berbeza dengan keperluan profesionalisme guru-guru bukan GPI seperti mana kajian yang dijalankan oleh T. Subahan Mohd. Meerah, Lilia Halim, Khalijah Salleh & Ruhizan Mohd. Yassin (2001) mengenai keperluan profesionalisme guru-guru bukan opsyen Fizik yang mengajar mata pelajaran Fizik dan Sains Teras. Kajian tersebut mendapati keperluan guru-guru berkenaan adalah bantuan dalam penyediaan isi pengajaran Fizik khususnya dalam topik-topik tertentu yang sukar diajar. Manakala kajian oleh Lilia Halim, Mohamad Idris Abdul Hamid, T. Subahan M. Meerah & Kamisah Osman (2006) mengenai keperluan guru-guru Sains sekolah rendah dalam aspek pengajaran Sains yang merupakan salah satu dari dimensi aspek profesionalisme perguruan mendapati keperluan profesionalisme guru-guru Sains sekolah rendah adalah kemajuan sendiri, kursus pengembangan profesionalisme serta bantuan dari aspek infrastruktur dalam usaha untuk menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran Sains lebih efektif. Situasi ini nyata berbeza dengan kajian Rafizah Mohamed Salleh (2011) mengenai keperluan GPI. Ia antara lain menyatakan bahawa keperluan profesionalisme GPI adalah perlu sentiasa memantapkan iman dengan membersihkan hati, menjaga pertuturan dan tindakan agar selari dengan tuntutan dan kehendak Allah s.w.t, menjaga penampilan diri dari sudut fizikal, sikap dan kepimpinan untuk menjadi contoh kepada pelajar dan dihormati oleh masyarakat di samping meningkatkan kemahiran dari sudut pengajaran yang merangkumi kemahiran berinteraksi, menyampaikan isi pelajaran, mempelbagaikan kaedah pengajaran dan mahir dari sudut kawalan kelas.

Secara lebih terperinci, penulisan ini adalah berfokus kepada hasil kajian yang dijalankan ke atas sekumpulan GPI mengenai keperluan profesionalisme GPI berasaskan *Riadhah Ruhiyyah* yang ditinjau dari aspek amalan nilai profesionalisme, aspek pengetahuan serta aspek kemahiran pengajaran dan pembelajaran para GPI berkenaan.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan ke atas sekumpulan 60 orang GPI yang berkhidmat di beberapa buah sekolah menengah dan rendah di negeri Kelantan. Pemilihan sampel dilakukan secara rawak berpandukan formula yang diperkenalkan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Sampel dipilih untuk memberikan respon kepada soal selidik yang diedarkan.

Soal selidik dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A mengandungi item-item demografi dan profil responden yang terdiri dari latar belakang responden serta latar belakang profesional. Bahagian B pula mengandungi 42 item yang dipecahkan kepada tiga aspek berdasarkan kepada objektif kajian yang ingin dikaji iaitu keperluan profesionalisme guru dalam aspek amalan nilai profesionalisme (16 item), keperluan profesionalisme guru dalam aspek pengetahuan (10 item) dan keperluan profesionalisme guru dalam aspek pengajaran dan pembelajaran (16 item). Keperluan-keperluan profesionalisme GPI berasaskan *Riadhah Ruhiyyah* ini diukur dengan menggunakan skala Likert yang mempunyai skala daripada skala 1 iaitu 'Sangat Tidak Perlu' hingga skala 5 iaitu 'Sangat Perlu'. Proses pengumpulan data dikendalikan sendiri oleh penyelidik. Data yang diperolehi diproses menggunakan perisian *SPSS 20.0 for Windows* dan dianalisis dalam bentuk peratusan.

## Responden Kajian

Responden terdiri daripada seramai 17 orang (28.3%) guru lelaki dan 43 orang (71.7%) guru perempuan. Dari jumlah tersebut, didapati seramai 14 orang (23.3%) adalah terdiri daripada GPI yang mengajar di sekolah menengah dan selebihnya iaitu seramai 46 orang (76.6%) adalah GPI yang berkhidmat di sekolah rendah. Dari aspek pengalaman mengajar, sebanyak 50 orang (83.3%) responden mempunyai pengalaman mengajar melebihi 10 tahun, 5 orang (8.3%) berpengalaman mengajar di antara 7 hingga 9 tahun, 3 orang (5.0%) responden berpengalaman mengajar antara 4 hingga 6 tahun manakala terdapat seorang (1.7 %) responden adalah guru novis iaitu yang baru mengajar di antara 1 hingga 3 tahun. Seorang responden (1.7%) pula tidak menyatakan pengalaman mengajar beliau. Responden juga berumur di antara 20 hingga 30 tahun (3 orang atau 5.0%), 31 hingga 40 tahun (15 orang atau 25.0%), 41 hingga 50 tahun (34 orang atau 56.7%) dan 51 hingga 60 tahun iaitu seramai 8 orang atau 13.3%.

## Dapatan Kajian

Secara keseluruhannya, berikut adalah dapatan yang diperolehi dari kajian yang telah dijalankan.

### I. Keperluan Profesionalisme Guru dalam aspek Amalan Nilai Profesionalisme berasaskan *Riadhah Ruhiyyah*

**Jadual 1** : Keperluan Profesionalisme Guru dalam aspek Amalan Nilai Profesionalisme berasaskan *Riadhah Ruhiyyah*

Bil	Item Soalan	Tidak Perlu		Kurang Perlu	Perlu		Tidak Menjawab
		STP	TP		P	SP	
1.	Mentaati perintah Allah s.w.t dan mengikut segala ajaran Rasul	0	0	0	0	60	0
		(0%)	(0%)	(0%)	(0%)	(100%)	(0%)
		0	0	0	60	0	
		(0%)	(0%)	(0%)	(100%)	(0%)	(0%)

2.	Memiliki jiwa yang luhur dan bersih dari sifat-sifat <i>mazmumah</i>	<b>STP</b>	<b>TP</b>	<b>KP</b>	<b>P</b>	<b>SP</b>	<b>TM</b>
		0 (0%)	1 (1.7%)	0 (0%)	2 (3.3%)	57 (95.0%)	0 (0%)
		1 (1.7%)		0 (0%)	59 (98.3%)		0 (0%)
3.	Menunjukkan sikap dan percibaraan yang bersungguh-sungguh	<b>STP</b>	<b>TP</b>	<b>KP</b>	<b>P</b>	<b>SP</b>	<b>TM</b>
		0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	11 (18.3%)	49 (81.7%)	0 (0%)
		0 (0%)		0 (0%)	60 (100%)		0 (0%)
4.	Bersikap tawaduk dan merendah diri	<b>STP</b>	<b>TP</b>	<b>KP</b>	<b>P</b>	<b>SP</b>	<b>TM</b>
		0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	8 (13.3%)	52 (86.7%)	0 (0%)
		0 (0%)		0 (0%)	60 (100%)		0 (0%)
5.	Mengamalkan tingkahlaku mulia dan bermoral dalam profesion perguruan	<b>STP</b>	<b>TP</b>	<b>KP</b>	<b>P</b>	<b>SP</b>	<b>TM</b>
		0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	2 (3.3%)	58 (96.7%)	0 (0%)
		0 (0%)		0 (0%)	60 (100%)		0 (0%)
6.	Menepati masa	<b>STP</b>	<b>TP</b>	<b>KP</b>	<b>P</b>	<b>SP</b>	<b>TM</b>
		0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	4 (6.7%)	55 (91.7%)	1 (1.7%)
		0 (0%)		0 (0%)	59 (98.3%)		1 (1.7%)
7.	Mempamerkan imej diri yang boleh diteladani	<b>STP</b>	<b>TP</b>	<b>KP</b>	<b>P</b>	<b>SP</b>	<b>TM</b>
		0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	5 (8.3%)	54 (90.0%)	1 (1.7%)
		0 (0%)		0 (0%)	59 (98.3%)		1 (1.7%)

8.	Mengawal emosi dan tidak cepat marah	<b>STP</b>	<b>TP</b>	<b>KP</b>	<b>P</b>	<b>SP</b>	<b>TM</b>
		0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	11 (18.3%)	49 (81.7%)	0 (0%)
		0 (0%)		0 (0%)	60 (100%)		0 (0%)
9.	Mengamalkan sifat empati (memahami perasaan orang lain)	<b>STP</b>	<b>TP</b>	<b>KP</b>	<b>P</b>	<b>SP</b>	<b>TM</b>
		0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	13 (21.7%)	47 (78.3%)	0 (0%)
		0 (0%)		0 (0%)	60 (100%)		0 (0%)
10.	Bersangka baik terhadap orang lain	<b>STP</b>	<b>TP</b>	<b>KP</b>	<b>P</b>	<b>SP</b>	<b>TM</b>
		0 (0%)	0 (0%)	1 (1.7%)	8 (13.3%)	51 (85.0%)	0 (0%)
		0 (0%)		1 (1.7%)	59 (98.3%)		0 (0%)
11.	Bekerja dalam pasukan	<b>STP</b>	<b>TP</b>	<b>KP</b>	<b>P</b>	<b>SP</b>	<b>TM</b>
		0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	12 (20.0%)	48 (80.0%)	0 (0%)
		0 (0%)		0 (0%)	60 (100%)		0 (0%)
12.	Terbuka menerima teguran	<b>STP</b>	<b>TP</b>	<b>KP</b>	<b>P</b>	<b>SP</b>	<b>TM</b>
		0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	21 (35.0%)	39 (65.0%)	0 (0%)
		0 (0%)		0 (0%)	60 (100%)		0 (0%)
13.	Menyuarakan sebarang pendapat secara berhemah	<b>STP</b>	<b>TP</b>	<b>KP</b>	<b>P</b>	<b>SP</b>	<b>TM</b>
		0 (0%)	0 (0%)	1 (1.7%)	15 (25.0%)	44 (73.3%)	0 (0%)
		0 (0%)		1 (1.7%)	59 (98.3%)		0 (0%)

14.	Sabar dalam melaksanakan tugas	STP	TP	KP	P	SP	TM
		0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	9 (15.0%)	51 (85.0%)	0 (0%)
		0 (0%)		0 (0%)	60 (100%)		0 (0%)
15.	Sentiasa memaafkan kesalahan orang lain	STP	TP	KP	P	SP	TM
		0 (0%)	1 (1.7%)	0 (0%)	16 (26.7%)	43 (71.7%)	0 (0%)
		1 (1.7%)		0 (0%)	59 (98.4%)		0 (0%)
16.	Berani dan tegas dalam perkara yang perlu ketegasan	STP	TP	KP	P	SP	TM
		0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	14 (23.3%)	46 (76.7%)	0 (0%)
		0 (0%)		0 (0%)	60 (100%)		0 (0%)

Berdasarkan jadual di atas, di dapati bahawa untuk item yang pertama, semua responden seramai 60 orang (100%) menyatakan 'Mentaati perintah Allah s.w.t dan mengikut segala ajaran Rasul' adalah Sangat Perlu dalam aspek amalan nilai profesionalisme berasaskan *Riadhah Ruhhiyyah*. Untuk item yang kedua, 57 orang responden (95.0%) menyatakan 'Memiliki jiwa yang luhur dan bersih dari sifat-sifat *mazmumah*' itu adalah Sangat Perlu, 2 orang responden (3.3%) menyatakan ia Perlu, namun seorang responden (1.7%) menyatakan ia Tidak Perlu. Bagi item ketiga iaitu 'Menunjukkan sikap dan percakapan yang bersungguh-sungguh', 49 orang (81.7%) menyatakan ia Sangat Perlu dan 11 orang (18.3%) menyatakan ia Perlu. Item keempat iaitu 'Bersikap tawaduk dan merendah diri' diakui Sangat Perlu oleh 52 orang responden (86.7%) dan turut diakui Perlu oleh 8 orang responden lain (13.3%). Bagi item kelima iaitu 'Mengamalkan tingkahlaku mulia dan bermoral dalam profesion perguruan', 58 orang atau 96.7% dari keseluruhan responden menyatakan ia Sangat Perlu dan 2 orang GPI (3.3%) menyatakan ia Perlu dalam amalan nilai profesionalisme berasaskan *Riadhah Ruhhiyyah*. Untuk item seterusnya iaitu 'Menepati masa', seramai 55 orang responden (91.7%) menyatakan ia Sangat Perlu, 4 orang responden (6.7%) menyatakan ia Perlu, namun seorang responden (1.7%) tidak menjawab soalan yang dikemukakan. 'Mempamerkan imej diri yang boleh diteladani' yang merupakan item ketujuh juga jelas merupakan satu keperluan yang tinggi dalam amalan nilai profesionalisme berasaskan *Riadhah Ruhhiyyah* sebagaimana yang dipersetujui oleh 54 orang responden (90%). Ia turut diakui Perlu menurut 5 orang (8.3%) responden lain namun seorang responden (1.7%) tidak menyatakan pandangan dalam item ini.

Berdasarkan jadual di atas juga, di dapati bahawa untuk item yang kelapan, 49 orang responden (81.7%) menyatakan 'Mengawal emosi dan tidak cepat marah' adalah Sangat Perlu dalam aspek amalan nilai profesionalisme berasaskan *Riadhah Ruhhiyyah* sementara 11 (18.3%) orang yang lain menyatakan ia adalah Perlu. Untuk item yang kesembilan, 47 orang responden (78.3%) menyatakan 'Mengamalkan sifat empati (memahami perasaan orang lain)' itu adalah Sangat Perlu dan 13 orang responden (21.7%) menyatakan ia Perlu. Bagi item kesepuluh iaitu 'Bersangka baik terhadap orang lain', 51 orang (85%) menyatakan ia Sangat Perlu, 8 orang (13.3%) menyatakan ia Perlu namun seorang (1.7%) responden menyatakan ia adalah Kurang Perlu untuk diamalkan. Item kesebelas iaitu 'Bekerja dalam pasukan' diakui Sangat Perlu oleh 48 orang responden (80%) dan turut diakui Perlu oleh 12 orang responden lain (20%). Bagi item kedua belas iaitu

'Terbuka menerima teguran', 39 orang atau 65% dari keseluruhan responden menyatakan ia Sangat Perlu dan 21 orang GPI (35%) menyatakan ia Perlu dalam amalan nilai profesionalisme berasaskan *Riadhah Ruhhiyyah*. Untuk item seterusnya iaitu 'Menyuarakan sebarang pendapat secara berhemah', seramai 44 orang responden (73.3%) menyatakan ia Sangat Perlu, 15 orang responden (25%) menyatakan ia Perlu, namun seorang responden (1.7%) berpendapat ia Tidak Perlu. 'Sabar dalam melaksanakan tugas' yang merupakan item keempat belas juga jelas merupakan satu keperluan yang tinggi dalam amalan nilai profesionalisme berasaskan *Riadhah Ruhhiyyah* sebagaimana yang dipersetujui oleh 51 orang responden (85%) dan turut diakui Perlu menurut 9 orang (15%) responden lain. Untuk item 'Sentiasa memaafkan kesalahan orang lain', seramai 43 orang (71.7%) responden bersetuju bahawa ia adalah Sangat Perlu dalam amalan nilai profesionalisme berasaskan *Riadhah Ruhhiyyah* dan 16 orang (26.7%) responden lain menyatakan ia Perlu. Namun terdapat seorang responden (1.7%) merasakan ia Tidak Perlu. Manakala bagi item terakhir dalam variabel yang dibincangkan iaitu 'Berani dan tegas dalam perkara yang perlu ketegasan', seramai 46 orang (76.7%) GPI memperakui ia sememangnya Sangat Perlu dan 14 orang (23.3%) yang lain menyatakan ia perlu.

Secara keseluruhan, keputusan analisis deskriptif menunjukkan bahawa keseluruhan responden dengan nilai median 5 bagi setiap item menyatakan keperluan yang tinggi untuk mereka mengaplikasikan amalan nilai profesionalisme perguruan berasaskan *Riadhah Ruhhiyyah*. Ini dibuktikan dengan kesemua item soalan mendapat peratusan melebihi 98% persetujuan responden. Bagi item-item tertentu seperti item 1, 3, 4, 5, 8, 9, 11, 12, 14 dan 16, ia mendapat persetujuan 100% daripada responden.

## II. Keperluan Profesionalisme Guru dalam aspek Pengetahuan berasaskan *Riadhah Ruhhiyyah*

**Jadual 2** : Keperluan Profesionalisme Guru dalam aspek Pengetahuan berasaskan *Riadhah Ruhhiyyah*

Bil	Item Soalan	Tidak Perlu		Kurang Perlu	Perlu		Tidak Menjawab
		STP	TP	KP	P	SP	TM
1.	Menuntut ilmu kerana Allah s.w.t untuk manfaat diri, masyarakat dan kerjaya	0	0	0	1	59	0
		(0%)	(0%)	(0%)	(1.7%)	(98.3%)	(0%)
		0	0		60		0
		(0%)	(0%)		(100%)		(0%)
2.	Menghayati ilmu dan isi kandungan mata pelajaran yang diajarkan kepada para pelajar	0	0	0	8	52	0
		(0%)	(0%)	(0%)	(13.3%)	(86.7%)	(0%)
		0	0		60		0
		(0%)	(0%)		(100%)		(0%)
3.	Menguasai dengan baik sukatan dan kandungan mata pelajaran yang diajar	0	0	0	5	54	1
		(0%)	(0%)	(0%)	(8.3%)	(90.0%)	(1.7%)
		0		0	59		1
		(0%)		(0%)	(98.3%)		(1.7%)
4.	Mengamalkan ilmu bermanfaat yang	STP	TP	KP	P	SP	TM



	diketahui	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	10 (16.7%)	50 (83.3%)	0 (0%)
		0 (0%)		0 (0%)	60 (100%)		0 (0%)
5.	Mengikuti isu-isu terkini berkaitan mata pelajaran yang diajar	<b>STP</b>	<b>TP</b>	<b>KP</b>	<b>P</b>	<b>SP</b>	<b>TM</b>
		0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	21 (35.0%)	39 (65.0%)	0 (0%)
		0 (0%)		0 (0%)	60 (100%)		0 (0%)
6.	Mengaitkan pengetahuan dengan pengalaman hidup	<b>STP</b>	<b>TP</b>	<b>KP</b>	<b>P</b>	<b>SP</b>	<b>TM</b>
		0 (0%)	0 (0%)	1 (1.7%)	28 (46.7%)	30 (50.0%)	1 (1.7%)
		0 (0%)		1 (1.7%)	59 (98.3%)		1 (1.7%)
7.	Menyelesaikan masalah secara kritis berpandukan al-Quran dan hadis	<b>STP</b>	<b>TP</b>	<b>KP</b>	<b>P</b>	<b>SP</b>	<b>TM</b>
		0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	10 (16.7%)	50 (83.3%)	0 (0%)
		0 (0%)		0 (0%)	60 (100%)		0 (0%)
8.	Berani berkata 'saya tidak tahu' terhadap persoalan yang tidak diketahui	<b>STP</b>	<b>TP</b>	<b>KP</b>	<b>P</b>	<b>SP</b>	<b>TM</b>
		0 (0%)	1 (1.7%)	0 (0%)	27 (45.0%)	32 (53.3%)	0 (0%)
		1 (1.7%)		0 (0%)	59 (98.3%)		0 (0%)
9.	Tidak menyembunyikan ilmu yang diketahui	<b>STP</b>	<b>TP</b>	<b>KP</b>	<b>P</b>	<b>SP</b>	<b>TM</b>
		0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	15 (25.0%)	45 (75.0%)	0 (0%)
		0 (0%)		0 (0%)	60 (100%)		0 (0%)
10.	Sentiasa membuat penulisan ilmiah	<b>STP</b>	<b>TP</b>	<b>KP</b>	<b>P</b>	<b>SP</b>	<b>TM</b>

atau kreatif berkaitan mata pelajaran yang diajar	0 (0%)	0 (0%)	5 (8.3%)	28 (46.7%)	27 (45.0%)	0 (0%)
	0 (0%)		5 (8.3%)	55 (91.7%)		0 (0%)

Jadual di atas menunjukkan bahawa untuk item yang pertama, seramai 59 orang (98.3%) menyatakan 'Menuntut ilmu kerana Allah s.w.t untuk manfaat diri, masyarakat dan kerjaya' adalah Sangat Perlu dalam aspek pengetahuan berasaskan *Riadhah Ruhhiyyah* dan 1 orang (0.7%) menyatakan ia Perlu. Untuk item yang kedua, 52 orang responden (86.7%) menyatakan 'Menghayati ilmu dan isi kandungan mata pelajaran yang diajarkan kepada para pelajar' itu adalah Sangat Perlu dan 8 orang responden (13.3%) menyatakan ia Perlu. Bagi item ketiga iaitu 'Menguasai dengan baik sukatan dan kandungan mata pelajaran yang diajar', 54 orang (90%) menyatakan ia Sangat Perlu, 5 orang (8.3%) menyatakan ia Perlu dan seorang (1.7%) GPI tidak memberikan pandangan. Item keempat iaitu 'Mengamalkan ilmu bermanfaat yang diketahui' diakui Sangat Perlu oleh 50 orang responden (83.3%) dan turut diakui Perlu oleh 10 orang responden lain (16.7%). Bagi item kelima iaitu 'Mengikuti isu-isu terkini berkaitan mata pelajaran yang diajar', 39 orang atau 65% dari keseluruhan responden menyatakan ia Sangat Perlu manakala 21 orang GPI (35%) menyatakan ia Perlu dalam aspek pengetahuan berasaskan *Riadhah Ruhhiyyah*. Untuk item seterusnya iaitu 'Mengaitkan pengetahuan dengan pengalaman hidup', seramai 30 orang responden (50%) menyatakan ia Sangat Perlu, 28 orang responden (46.7%) menyatakan ia Perlu, seorang responden (1.7%) menyatakan ia Kurang Perlu dan seorang responden (1.7%) tidak memberikan apa-apa pandangan. 'Menyelesaikan masalah secara kritis berpandukan al-Quran dan hadis' yang merupakan item ketujuh juga jelas merupakan satu keperluan dalam aspek pengetahuan berasaskan *Riadhah Ruhhiyyah* sebagaimana yang dipersetujui oleh 50 orang responden (83.3%). Ia turut perlu menurut 10 orang (16.7%) responden lain.

Berdasarkan jadual di atas juga, di dapati bahawa untuk item yang kelapan, 32 orang responden (53.3%) menyatakan 'Berani berkata 'saya tidak tahu' terhadap persoalan yang tidak diketahui' adalah Sangat Perlu dalam aspek kemahiran pengajaran dan pembelajaran berasaskan *Riadhah Ruhhiyyah*, 27 orang (45%) yang lain menyatakan ia adalah Perlu dan seorang responden (1.7%) menyatakan ia Tidak Perlu. Untuk item yang kesembilan, 45 orang responden (75%) menyatakan 'Tidak menyembunyikan ilmu yang diketahui' itu adalah Sangat Perlu dan 15 orang responden (25%) menyatakan ia Perlu. Bagi item kesepuluh iaitu 'Sentiasa membuat penulisan ilmiah atau kreatif berkaitan mata pelajaran yang diajar', 27 orang (45%) menyatakan ia Sangat Perlu, 28 orang (46.7%) menyatakan ia Perlu manakala 5 orang (8.3%) responden lain menyatakan ia Kurang Perlu untuk diamalkan sebagai seorang guru Pendidikan Islam.

Secara keseluruhan, keputusan analisis deskriptif menunjukkan bahawa keseluruhan responden dengan nilai median 5 bagi setiap item kecuali median 4 untuk item ke-10 (Sentiasa membuat penulisan ilmiah atau kreatif berkaitan mata pelajaran yang diajar) menyatakan bahawa adalah Perlu bagi mereka untuk mengaplikasikan aspek pengetahuan berasaskan *Riadhah Ruhhiyyah* dalam profesionalisme perguruan. Ini dibuktikan dengan kesemua item soalan mendapat peratusan melebihi 91% persetujuan responden. Bagi item-item tertentu seperti item 1, 2, 4, 5, 7 dan 9, ia mendapat persetujuan 100% daripada responden.

### III. Keperluan Profesionalisme Guru dalam aspek Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran berasaskan *Riadhah Ruhhiyyah*

**Jadual 3 :** Keperluan Profesionalisme Guru dalam aspek Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran berasaskan *Riadhah Ruhhiyyah*

Bil	Item Soalan	Tidak Perlu		Kurang Perlu	Perlu		Tidak Menjawab
		STP	TP	KP	P	SP	TM
1.	Menerapkan unsur-unsur kerohanian dalam pengajaran	0	0	0	7	53	0

		(0%)	(0%)	(0%)	(11.7%)	(88.3%)	(0%)
		0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	60 (100%)	60 (100%)	0 (0%)
2.	Mengaitkan pengajaran dengan ciptaan Allah s.w.t yang terdapat di sekeliling	<b>STP</b>	<b>TP</b>	<b>KP</b>	<b>P</b>	<b>SP</b>	<b>TM</b>
		0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	6 (10.0%)	54 (90.0%)	0 (0%)
		0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	60 (100%)	60 (100%)	0 (0%)
3.	Menyampaikan ilmu pengetahuan dengan jelas	<b>STP</b>	<b>TP</b>	<b>KP</b>	<b>P</b>	<b>SP</b>	<b>TM</b>
		0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	4 (6.7%)	55 (91.7%)	1 (1.7%)
		0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	60 (100%)	60 (100%)	1 (1.7%)
4.	Menyampaikan isi pengajaran berpandukan tahap kefahaman pelajar	<b>STP</b>	<b>TP</b>	<b>KP</b>	<b>P</b>	<b>SP</b>	<b>TM</b>
		0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	11 (18.3%)	49 (81.7%)	0 (0%)
		0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	60 (100%)	60 (100%)	0 (0%)
5.	Menyesuaikan strategi pengajaran dengan tajuk yang diajar	<b>STP</b>	<b>TP</b>	<b>KP</b>	<b>P</b>	<b>SP</b>	<b>TM</b>
		0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	16 (26.7%)	44 (73.3%)	0 (0%)
		0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	60 (100%)	60 (100%)	0 (0%)
6.	Melaksanakan p&p dengan menggunakan pelbagai pendekatan dan kaedah untuk lebih menarik minat perhatian pelajar	<b>STP</b>	<b>TP</b>	<b>KP</b>	<b>P</b>	<b>SP</b>	<b>TM</b>
		0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	17 (28.3%)	43 (71.7%)	0 (0%)
		0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	60 (100%)	60 (100%)	0 (0%)
7.	Membuat penggabungan antara mata pelajaran yang diajar dengan	<b>STP</b>	<b>TP</b>	<b>KP</b>	<b>P</b>	<b>SP</b>	<b>TM</b>
		0	0	0	33	27	0

	mata pelajaran lain	(0%)	(0%)	(0%)	(55.0%)	(45.0%)	(0%)
		0	0	60			0
		(0%)	(0%)	(100%)			(0%)
8.	Membuat penggabungan antara mata pelajaran yang diajar dengan isu-isu semasa	<b>STP</b>	<b>TP</b>	<b>KP</b>	<b>P</b>	<b>SP</b>	<b>TM</b>
		0	0	0	33	27	0
		(0%)	(0%)	(0%)	(55.0%)	(45.0%)	(0%)
		0	0	60			0
		(0%)	(0%)	(100%)			(0%)
9.	Melahirkan iklim bilik darjah yang kondusif	<b>STP</b>	<b>TP</b>	<b>KP</b>	<b>P</b>	<b>SP</b>	<b>TM</b>
		0	0	0	11	49	0
		(0%)	(0%)	(0%)	(18.3%)	(81.7%)	(0%)
		0	0	60			0
		(0%)	(0%)	(100%)			(0%)
10.	Membimbing dan mendidik pelajar yang tidak cerdas dengan cara yang terbaik-baiknya	<b>STP</b>	<b>TP</b>	<b>KP</b>	<b>P</b>	<b>SP</b>	<b>TM</b>
		0	0	0	13	47	0
		(0%)	(0%)	(0%)	(21.7%)	(78.3%)	(0%)
		0	0	60			0
		(0%)	(0%)	(100%)			(0%)
11.	Mempamerkan sifat kasih sayang dan tidak pilih kasih dalam sesi p&p	<b>STP</b>	<b>TP</b>	<b>KP</b>	<b>P</b>	<b>SP</b>	<b>TM</b>
		0	0	0	13	47	0
		(0%)	(0%)	(0%)	(21.7%)	(78.3%)	(0%)
		0	0	60			0
		(0%)	(0%)	(100%)			(0%)
12.	Mengetahui peringkat perkembangan pelajar dari aspek kognitif dan afektif (emosi)	<b>STP</b>	<b>TP</b>	<b>KP</b>	<b>P</b>	<b>SP</b>	<b>TM</b>
		0	0	0	19	41	0
		(0%)	(0%)	(0%)	(31.7%)	(68.3%)	(0%)
		0	0	60			0
		(0%)	(0%)	(100%)			(0%)
13.	Membantu pelajar berfikir secara logik dan kritis sesuai dengan ajaran Islam	<b>STP</b>	<b>TP</b>	<b>KP</b>	<b>P</b>	<b>SP</b>	<b>TM</b>
		0	0	0	9	51	0

		(0%)	(0%)	(0%)	(15.0%)	(85.0%)	(0%)
		0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	60 (100%)	60 (100%)	0 (0%)
14.	Mendidik pelajar dengan adab-adab sunnah	<b>STP</b>	<b>TP</b>	<b>KP</b>	<b>P</b>	<b>SP</b>	<b>TM</b>
		0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	6 (10.0%)	53 (88.3%)	1 (1.7%)
		0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	60 (100%)	60 (100%)	0 (0%)
15.	Memotivasikan pelajar agar memuliakan ilmu dan ulama'	<b>STP</b>	<b>TP</b>	<b>KP</b>	<b>P</b>	<b>SP</b>	<b>TM</b>
		0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	4 (6.7%)	56 (93.3%)	0 (0%)
		0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	60 (100%)	60 (100%)	0 (0%)
16.	Mengamalkan bimbingan dan kaunseling	<b>STP</b>	<b>TP</b>	<b>KP</b>	<b>P</b>	<b>SP</b>	<b>TM</b>
		0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	18 (30.0%)	42 (70.0%)	0 (0%)
		0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	60 (100%)	60 (100%)	0 (0%)

Berdasarkan jadual di atas, di dapati bahawa untuk item yang pertama, seramai 53 orang (88.3%) menyatakan 'Menerapkan unsur-unsur kerohanian dalam pengajaran' adalah Sangat Perlu dalam aspek kemahiran pengajaran dan pembelajaran berasaskan *Riadhah Ruhhiyyah* dan 7 orang (11.7%) menyatakan ia Perlu. Untuk item yang kedua, 54 orang responden (90%) menyatakan 'Mengaitkan pengajaran dengan ciptaan Allah s.w.t yang terdapat di sekeliling' itu adalah Sangat Perlu dan 6 orang responden (10%) menyatakan ia Perlu. Bagi item ketiga iaitu 'Menyampaikan ilmu pengetahuan dengan jelas', 55 orang (91.7%) menyatakan ia Sangat Perlu, 4 orang (6.7%) menyatakan ia Perlu dan seorang (1.7%) GPI tidak memberikan pandangan. Item keempat iaitu 'Menyampaikan isi pengajaran berpandukan tahap kefahaman pelajar' diakui Sangat Perlu oleh 49 orang responden (81.7%) dan turut diakui Perlu oleh 11 orang responden lain (18.3%). Bagi item kelima iaitu 'Menyesuaikan strategi pengajaran dengan tajuk yang diajar', 44 orang atau 73.3% dari keseluruhan responden menyatakan ia Sangat Perlu dan 16 orang GPI (26.7%) menyatakan ia Perlu dalam aspek kemahiran pengajaran dan pembelajaran berasaskan *Riadhah Ruhhiyyah*. Untuk item seterusnya iaitu 'Melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan pelbagai pendekatan dan kaedah untuk lebih menarik minat perhatian pelajar', seramai 43 orang responden (71.7%) menyatakan ia Sangat Perlu dan 17 orang responden (28.3%) menyatakan ia Perlu. Item seterusnya iaitu 'Membuat penggabungan antara mata pelajaran yang diajar dengan mata pelajaran lain' juga jelas merupakan satu keperluan dalam aspek kemahiran pengajaran dan pembelajaran berasaskan *Riadhah Ruhhiyyah* sebagaimana yang dipersetujui oleh 27 orang responden (45%). Ia turut Perlu menurut 33 orang (55%) responden lain.

Jadual di atas turut menunjukkan bahawa untuk item yang kelapan, 27 orang responden (45%) menyatakan 'Membuat penggabungan antara mata pelajaran yang diajar dengan isu-isu semasa' adalah Sangat Perlu dalam aspek kemahiran pengajaran dan pembelajaran berasaskan *Riadhah Ruhhiyyah* sementara

33 orang (55%) yang lain menyatakan ia adalah Perlu. Untuk item yang kesembilan, 49 orang responden (81.7%) menyatakan 'Melahirkan iklim bilik darjah yang kondusif' itu adalah Sangat Perlu dan 11 orang responden (18.3%) menyatakan ia Perlu. Bagi item kesepuluh iaitu 'Membimbing dan mendidik pelajar yang tidak cerdas dengan cara yang sebaik-baiknya', 47 orang (78.3%) menyatakan ia Sangat Perlu dan 13 orang (21.7%) menyatakan ia Perlu untuk diamalkan sebagai seorang guru Pendidikan Islam. Item kesebelas iaitu 'Mempamerkan sifat kasih sayang dan tidak pilih kasih dalam sesi pengajaran dan pembelajaran' diakui Sangat Perlu oleh 47 orang responden (78.3%) dan turut diakui Perlu oleh 13 orang responden lain (21.7%). Bagi item kedua belas iaitu 'Mengetahui peringkat perkembangan pelajar dari aspek kognitif dan afektif (emosi)', 41 orang atau 68.3% dari keseluruhan responden menyatakan ia Sangat Perlu dan 19 orang GPI (31.7%) menyatakan ia Perlu dalam aspek kemahiran pengajaran dan pembelajaran berasaskan *Riadhah Ruhhiyyah*. Untuk item seterusnya iaitu 'Membantu pelajar berfikir secara logik dan kritis sesuai dengan ajaran Islam', seramai 51 orang responden (85%) menyatakan ia Sangat Perlu dan 9 orang responden (15%) menyatakan ia Perlu. 'Mendidik pelajar dengan adab-adab sunnah' yang merupakan item keempat belas juga jelas merupakan satu keperluan yang tinggi dalam kemahiran pengajaran dan pembelajaran berasaskan *Riadhah Ruhhiyyah* sebagaimana yang dipersetujui oleh 53 orang responden (88.3%). Ia turut diakui perlu menurut 6 orang (10%) responden lain namun seorang responden (1.7%) tidak menjawab soalan ini. Untuk item 'Memotivasikan pelajar agar memuliakan ilmu dan ulama', seramai 56 orang (93.3%) responden bersetuju bahawa ia adalah Sangat Perlu dalam kemahiran pengajaran dan pembelajaran berasaskan *Riadhah Ruhhiyyah* dan 4 orang (6.7%) responden lain menyatakan ia Perlu. Manakala bagi item terakhir dalam variabel yang dibincangkan iaitu 'Mengamalkan bimbingan dan kaunseling', seramai 42 orang (70%) GPI memperakui ia sememangnya Sangat Perlu dan 18 orang (30%) yang lain menyatakan ia Perlu dalam aspek kemahiran pengajaran dan pembelajaran berasaskan *Riadhah Ruhhiyyah*.

Secara keseluruhan, keputusan analisis deskriptif menunjukkan bahawa keseluruhan responden dengan nilai median 5 bagi setiap item kecuali median 4 untuk item ke-7 dan 8 ('Membuat penggabungjalinan antara mata pelajaran yang diajar dengan mata pelajaran lain' dan 'Membuat penggabungjalinan antara mata pelajaran yang diajar dengan isu-isu semasa') menyatakan bahawa adalah perlu bagi GPI untuk mengaplikasikan aspek kemahiran pengajaran dan pembelajaran berasaskan *Riadhah Ruhhiyyah* dalam profesionalisme perguruan. Ini dibuktikan dengan kesemua item soalan mendapat peratusan 100% persetujuan responden.

## IMPLIKASI KAJIAN

Secara lebih lanjut, dapatan kajian ini sebenarnya menggambarkan keperluan para GPI terhadap aspek *habl min Allah s.w.t* iaitu hubungan dengan Allah s.w.t dengan berpegang teguh kepada rukun-rukun iman seperti berikut :

### I) Beriman kepada Allah s.w.t

- i. Mentaati perintah Allah s.w.t dan mengikut segala ajaran Rasul (Amalan Nilai Profesionalisme)
- ii. Menuntut ilmu kerana Allah s.w.t untuk manfaat diri, masyarakat dan kerjaya (Pengetahuan)
- iii. Menerapkan unsur-unsur kerohanian dalam pengajaran (Pengajaran dan Pembelajaran)
- iv. Mengaitkan pengajaran dengan ciptaan Allah s.w.t yang terdapat di sekeliling (Pengajaran dan Pembelajaran)
- v.

### II) Beriman kepada Malaikat

- i. Mentaati perintah Allah s.w.t dan mengikut segala ajaran Rasul (Amalan Nilai Profesionalisme)
- ii. Memiliki jiwa yang luhur dan bersih dari sifat-sifat mazmumah (Amalan Nilai Profesionalisme)
- iii. Bersikap tawaduk dan merendah diri (Amalan Nilai Profesionalisme)

### III) Beriman kepada Rasul

- i. Mentaati perintah Allah s.w.t dan mengikut segala ajaran Rasul (Amalan Nilai Profesionalisme)
- ii. Menunjukkan sikap dan percakapan yang bersungguh-sungguh (Amalan Nilai Profesionalisme)
- iii. Bersikap tawaduk dan merendah diri (Amalan Nilai Profesionalisme)
- iv. Mengamalkan tingkahlaku mulia dan bermoral dalam profesion perguruan (Amalan Nilai Profesionalisme)

- v. Menepati masa (Amalan Nilai Profesionalisme)
- vi. Mempamerkan imej diri yang boleh diteladani (Amalan Nilai Profesionalisme)
- vii. Mengawal emosi dan tidak cepat marah (Amalan Nilai Profesionalisme)
- viii. Bersangka baik terhadap orang lain (Amalan Nilai Profesionalisme)
- ix. Sentiasa memaafkan kesalahan orang lain (Amalan Nilai Profesionalisme)
- x. Menghayati ilmu dan isi kandungan mata pelajaran yang diajarkan kepada para pelajar (Pengetahuan)
- xi. Menguasai dengan baik sukatan dan kandungan mata pelajaran yang diajar (Pengetahuan)
- xii. Mengamalkan ilmu bermanfaat yang diketahui (Pengetahuan)
- xiii. Tidak menyembunyikan ilmu yang diketahui (Pengetahuan)
- xiv. Menyampaikan ilmu pengetahuan dengan jelas (Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran)
- xv. Menyampaikan isi pengajaran berpandukan tahap kefahaman pelajar (Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran)
- xvi. Mendidik pelajar dengan adab-adab sunnah (Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran)

#### IV) Beriman kepada Kitab

- i. Mentaati perintah Allah s.w.t dan mengikut segala ajaran Rasul (Amalan Nilai Profesionalisme)
- ii. Menyelesaikan masalah secara kritis berpandukan al-Quran dan Hadis (Pengetahuan)

Hasil kajian ini turut menggambarkan keperluan para GPI terhadap aspek *habl min an-Nas* iaitu hubungan sesama manusia yang ditinjau dari aspek-aspek berikut iaitu :

#### I) Mawaddah (Sifat Kasih Sayang)

- i. Mengamalkan sifat empati (memahami perasaan orang lain) (Amalan Nilai Profesionalisme)
- ii. Membimbing dan mendidik pelajar yang tidak cerdas dengan cara yang sebaik-baiknya (Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran)
- iii. Mempamerkan sifat kasih sayang dan tidak pilih kasih dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran)
- iv. Mengetahui peringkat perkembangan pelajar dari aspek kognitif dan afektif (emosi) (Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran)
- v. Membantu pelajar berfikir secara logik dan kritis sesuai dengan ajaran Islam (Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran)
- vi. Memotivasikan pelajar agar memuliakan ilmu dan ulama' (Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran)
- vii. Mengamalkan bimbingan dan kaunseling (Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran)

#### II) Jama'ah (Amalan Kerja Berpasukan)

- i. Bekerja dalam pasukan (Amalan Nilai Profesionalisme)
- ii. Terbuka menerima teguran (Amalan Nilai Profesionalisme)
- iii. Menyuarakan sebarang pendapat secara berhemah (Amalan Nilai Profesionalisme)


#### III) Maharah at-Ta'lim (Kemahiran Mendidik)

- i. Menyesuaikan strategi pengajaran dengan tajuk yang diajar (Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran)
- ii. Melaksanakan p&p dengan menggunakan pelbagai pendekatan dan kaedah untuk lebih menarik minat dan perhatian pelajar (Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran)
- iii. Membuat penggabungjalinan antara mata pelajaran yang diajar dengan mata pelajaran lain (Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran)
- iv. Membuat penggabungjalinan antara mata pelajaran yang diajar dengan isu-isu semasa (Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran)
- v. Melahirkan iklim bilik darjah yang kondusif (Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran)

Hasil kajian juga menggambarkan keperluan para GPI terhadap aspek **habl min an-Nafs** iaitu hubungan dengan diri sendiri yang dapat ditinjau dari aspek-aspek berikut iaitu :

- i. Mentaati perintah Allah s.w.t dan mengikut segala ajaran Rasul (Amalan Nilai Profesionalisme)
- ii. Memiliki jiwa yang luhur dan bersih dari sifat-sifat mazmumah (Amalan Nilai Profesionalisme)
- iii. Bersikap tawaduk dan merendah diri (Amalan Nilai Profesionalisme)
- iv. Mengamalkan tingkahlaku mulia dan bermoral dalam profesion perguruan (Amalan Nilai Profesionalisme)
- v. Menepati masa (Amalan Nilai Profesionalisme)
- vi. Mempamerkan imej diri yang boleh diteladani (Amalan Nilai Profesionalisme)
- vii. Mengawal emosi dan tidak cepat marah (Amalan Nilai Profesionalisme)
- viii. Bersangka baik terhadap orang lain (Amalan Nilai Profesionalisme)
- ix. Sabar dalam melaksanakan tugas (Amalan Nilai Profesionalisme)
- x. Berani dan tegas dalam perkara yang perlu kepada ketegasan (Amalan Nilai Profesionalisme)
- xi. Menuntut ilmu kerana Allah s.w.t untuk manfaat diri, masyarakat dan kerjaya (Pengetahuan)
- xii. Mengikuti isu-isu terkini berkaitan mata pelajaran yang diajar (Pengetahuan)
- xiii. Mengaitkan pengetahuan dengan pengalaman hidup (Pengetahuan)
- xiv. Berani berkata 'saya tidak tahu' terhadap persoalan yang tidak diketahui (Pengetahuan)
- xv. Sentiasa membuat penulisan ilmiah atau kreatif berkaitan mata pelajaran yang diajar (Pengetahuan)

Dapatan akhir kajian ini seterusnya mencadangkan satu penghasilan Model Profesionalisme Perguruan Pendidikan Islam berasaskan *Riadhah Ruhhiyyah* berpandukan kerangka teori yang dikemukakan sebagaimana berikut :



**Rajah 2:** Cadangan Model Profesionalisme Perguruan Pendidikan Islam Berasaskan *Riadhah Ruhhiyyah*.



## PENUTUP

Dalam usaha negara mentransformasikan pendidikan di Malaysia ke arah merealisasikan hasil warganegara yang maju serta berdaya saing di pentas dunia, aspek pembinaan rohani mereka yang terlibat dalam profesion perguruan terutama para guru tidak seharusnya dipinggirkan. Banyak aspek peningkatan kemahiran luaran para guru telah diambilkira dalam kursus-kursus dan latihan-latihan semasa perkhidmatan, namun pendedahan profesionalisme perguruan ke arah pembinaan rohani dan emosi para guru masih jarang diketengahkan. Sedangkan pada hakikatnya, tugas utama para guru terutama guru-guru Pendidikan Islam adalah mendidik aspek dalaman atau rohani pelajar. Hal ini diakui oleh para responden dalam kajian ini yang menunjukkan bahawa keperluan GPI untuk mengaplikasikan profesionalisme perguruan Pendidikan Islam berasaskan *Riadhah Ruhyyah* yang ditinjau dari dimensi amalan profesionalisme perguruan, pengetahuan serta aspek kemahiran pengajaran dan pembelajaran adalah tinggi. Hampir keseluruhan responden menyatakan persetujuan yang tinggi melebihi 90 % bagi setiap item yang diutarakan. Justeru dicadangkan agar perancangan jangka pendek dan jangka panjang bagi memenuhi keperluan profesionalisme perguruan GPI diwujudkan oleh pihak-pihak yang berkepentingan dalam aspek penggubalan dan pelaksanaan dasar pendidikan umumnya dan kurikulum Pendidikan Islam khasnya.

Penulisan ini seterusnya mencadangkan kajian lanjutan mengenai implikasi kajian yang menunjukkan kaitan di antara keperluan profesionalisme berasaskan '*Riadhah Ruhyyah*' dengan aspek ***habl min Allah s.w.t***, ***habl min an-Nas*** dan ***habl min al-Nafs***.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail. (2002). Pendidikan akhlak dalam KBSM : Persepsi pelajar terhadap konsep akhlak. Dalam *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 1). Kurikulum Bersepadu Pendidikan Islam Menghadapi Cabaran Era Globalisasi* (120-133). Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff. (2011). Isu Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. Dalam Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff (pnyt), *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam* (19-37). Bangi : Penerbit UKM.
- Abdul Raof Dato' Haji Hassan, Abdul Halim Salleh, Khairul Amin Mohd. Zain & Wan Norainawati Hamzah. (2011). *al-Lughatul Malayuwyyah Al-Lughatul Arabiah Al-Lughatul Arabiyyah al-Lughatul Malayuwyyah* Edisi Kedua. Shah Alam : Oxford Fajar.
- Al-Ghazali, al-Imam Abi Hamid Muhammad Bin Muhammad al-Ghazali. (t.t). *Ihya Ulum al-Din*. Jil. 1. Beirut : Dar al-Ma'rifah.
- Al-Ghazali, al-Imam Abi Hamid Muhammad Bin Muhammad al-Ghazali. (1987). *Ihya Ulum al-Din*. Jil. 5. Cairo : Dar al-Rayyan Li Thuras.
- Asmawati Suhid. (2006). Pengajaran adab akhlak Islamiah dalam membangunkan modal insan. *Dalam Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri5). Pendidikan Islam dan Bahasa Arab Pemangkin Peradaban Ummah* (29-35). Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azma binti Mahmood. (2006). *Pengukuran tahap penghayatan Pendidikan Islam pelajar-pelajar sekolah menengah di Malaysia*. (Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Che Noraini Hashim. (2005). Keruntuhan akhlak dan pembangunan remaja masa kini : Cabaran Pendidikan Islam di Malaysia. Dalam *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 4). Pendidikan Islam ke Arah Kemanusiaan Sejagat* (19-28). Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. (2010). *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Johor Baru : Penerbit UTM Press.

- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2011) . Kajian Kes Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) Sekolah Bandar Dan Luar Bandar Satu Kajian Perbandingan. *Jurnal Teknologi*. 56 (Sains Sosial) Sept. 179-198.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga* (1997). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khadijah Abdul Razak & Zaib Ngah.(2002).Isu dan cabaran pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam (KBSM). Dalam *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri1)*. Kurikulum Bersepadu Pendidikan Islam Menghadapi Cabaran Era Globalisasi (275-285). Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Krejcie, R. V. & D. W. Morgan. (1970). *Determining sample size for research activities*. *Educational and Psychological Measurement*. 30(3): 607-610.
- Lilia Halim, Mohamad Idris Abdul Hamid, T. Subahan M. Meerah & Kamisah Osman. (2006). Analisis Keperluan Guru-Guru Sains Sekolah Rendah Dalam Aspek Pengajaran Sains Di Daerah Kota Setar, Kedah. *Jurnal Teknologi*, 44 (E) Jun. 13-30.
- Othman Lebar. (2009). *Penyelidikan Kualitatif : Pengenalan Kepada Teori Dan Metod*. Tanjong Malim : Penerbit UPSI.
- Rafizah Mohamed Salleh. (2011). *Model Guru Contoh Pendidikan Islam* (Laporan Penyelidikan tidak diterbitkan). Universiti Malaya.
- Rahaila Omar. (2011). *Kompetensi nilai profesionalisme pensyarah Institut Pendidikan Guru dan potensi bakal guru di Malaysia* (Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed Ismail Syed Mustapa & Ahmad Subki Miskon. (2010). *Asas kepimpinan & perkembangan profesional*. Puchong : Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- T. Subahan Mohd. Meerah, Lilia Halim, Khalijah Salleh & Ruhizan Mohd. Yassin. (2001). *Tinjauan ke atas strategi dan keperluan guru bukan opsyen Fizik mengajar Fizik*. Diakses pada April 16, 2012 dari [www.ipbl.edu.my/BM/.../2001\\_13\\_ruzihan.pdf](http://www.ipbl.edu.my/BM/.../2001_13_ruzihan.pdf) . 2001.
- Zaharah Hussin. (2008). *Pembinaan kandungan kurikulum pendidikan akhlak untuk latihan perguruan Pendidikan Islam* (Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.